



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**29 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- Sembilan warga asing ditahan

19



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**29 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Sembilan warga asing ditahan
Muka Surat	19

SINAR HARIAN • RABU 29 NOVEMBER 2017

• HUBUNGI SKUAD AMPANG / HULU LANGAT: ISMADI ISMAIL - 019 3371003.

**AMPANG . HULU LANGAT**

19

# Sembilan warga asing ditahan

Dipercaya membuka premis perniagaan dengan menggunakan lesen warga tempatan

PANDAN MEWAH – Operasi Bersepadu Pembanterasan Warga Asing telah dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Jabatan Imigresen Malaysia di Flat Pandan Mewah susulan aduan penduduk berkaitan kebanjiran warga asing di kawasan kedihaman mereka, baru-baru ini.

Adun Cempaka, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, pemeriksaan telah dilakukan ke atas 90 warga asing di mana sembilan daripadanya telah ditahan untuk siasatan lanjut.

"Warga asing yang ditahan itu dari Bangladesh, Indonesia dan Myanmar."

"Sebanyak 25 inventori telah dikeluarkan dalam operasi tersebut, manakala sitan turut dilakukan ke atas basikal roda tiga, khemah dan mo-

tosikal serta kereta buruk," katanya.

Menurutnya, operasi berkenaan melibatkan seramai 81 anggotu penguatan kuasa MPAJ, 21 anggota jabatan Imigresen dan 21 anggota polis.

"Susulan operasi itu, barisan penambahanbaikan dari segi kebersihan telah dilakukan," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Beliau berkata, segenitir warga asing yang masih mendiami kawasan flat itu mendakwa mereka masuk secara harian melalui Thailand.

"Seorang warga asing mendakwa dia membayar sebanyak RM6,000 kepada agen untuk membawanya masuk ke Malaysia dengan menaiki van," katanya.

Dalam pada itu, Iskandar turut menggesa kerajaan persekutuan agar mendaftar atau

- INFO**
- Basikal roda tiga, khemah, motosikal dan kereta buruk turut disita dalam operasi terbabit

merekod butiran pelarian di kawasan itu.

"Kami difahamkan ada seramai 1,000 warga Rohingya di sini, mereka diaida sebarang dokumen pengenal diri, mereka hanya ada kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR).

"Saya bimbang... sekiranya berlaku jenayah atau perkara yang tidak diingini, kita tidak boleh kesan individu ini, mereka boleh larikan diri dan hilang macam tu saja," katanya.



Iskandar (kiri) turut serta dalam Operasi Bersepadu Pembanterasan Warga Asing di Flat Pandan Mewah.

Pada 6 Oktober lalu, Iskandar menyatakan pihaknya telah menerima aduan berkaitan kebanjiran warga asing di kawasan itu.

Penduduk mendakwa warga asing dipercaya membuat premis perniagaan dengan menggunakan lesen warga tempatan.

Mereka turut menjual dan membeli barang hasil secara terbuka selain menggunakan lesen warga tempatan.

Foto: Sinar Harian / Sumber: Astro Awani